

**AS-SALIHIN TRUSTEE BERHAD  
PRODUK PERANCANGAN HARTA PUSAKA – PRI-TI**

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS)**

**Tarikh:**

[Tarikh hendaklah dilengkapkan oleh Staf Jualan]

Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Produk Perancangan Harta Pusaka-Pri-TI as-Salihin Trustee Berhad. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat produk ini. Dapatkan penerangan daripada kami sekiranya anda tidak memahami sebarang bahagian daripada dokumen ini atau terma umum berkaitan.

**1. Apakah produk ini?**

Produk ini menawarkan satu amanah yang dibuat daripada pampasan takaful/insurans dengan melantik as-Salihin Trustee Berhad sebagai pemegang hak mutlak ('assignee') (melalui Penyerahan Hak Mutlak ('Absolute Assignment')) untuk menerima pampasan takaful/insurans untuk manfaat pemilik polisi (semasa ketidakupayaan atau hilang upaya kekal) dan/atau benefisiari-benefisiari.

**2. Apakah Kontrak Syariah yang terpakai?**

- i. Wakalah - satu kontrak agensi yang mana bank bertindak sebagai agen yang menawarkan produk Pri-TI.
- ii. Amanah - as-Salihin akan bertindak sebagai pemegang amanah dan memegang serta memindahmilik pampasan takaful/insurans mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah.

**3. Apakah jenis aset yang boleh dimasukkan dalam Pri-Emas?**

- i. Polisi Insurans/Takaful.

**4. Apakah manfaat/faedah yang saya boleh perolehi daripada Pri-Emas?**

- i. as-Salihin, syarikat amanah yang akan menerima pampasan insurans/takaful – boleh mengelakkan penyalahgunaan dana amanah atau pecah amanah.
- ii. Boleh membina legasi melalui dana amanah.
- iii. Menjaga hak-hak benefisiari tertentu, terutamanya anak-anak istimewa.
- iv. Polisi berkenaan tidak tertakluk kepada Faraid dan pentadbiran pusaka, ia berkuatkuasa serta-merta mengikut terma-terma yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah.
- v. Boleh mengawal cara perbelanjaan benefisiari (menentukan tujuan, amaun dan cara pengagihan).
- vi. Boleh digunakan untuk tujuan membayar hutang-piutang dan fi pentadbiran pusaka.

vii. Tertakluk kepada Akta Insolvensi, dana amanah boleh dilindungi daripada tuntutan pemiutang.

viii. Wang pampasan pemilik polisi dapat diuruskan sekiranya beliau mengalami hilang upaya kekal.

**5. Berapakah kos membuat Pri-TI?**

Bayaran minimum adalah sebanyak RM1,000.00 (tidak termasuk lain-lain kos yang terlibat seperti duti setem dan fi pemprosesan).

**6. Fi Pembatalan (pada peringkat draf)**

RM1,000.00 akan dicaj sekiranya dokumen (draf) telah dikeluarkan

**7. Siapa yang boleh menjadi benefisiari dalam Pri-TI?**

Setlor dan benefisiari lain seperti suami/isteri, anak-anak kandung, anak angkat dan badan kebajikan.

**8. Apakah terdapat risiko?**

Terdapat kemungkinan polisi insurans/takaful dihentikan sebelum tempoh matang, kegagalan membayar premium dan polisi ditamatkan oleh pemilik polisi tersebut.

**9. Bolehkan saya meminda atau membatalkan Pri-TI?**

Semasa hayat Setlor boleh meminda kandungan Pri-TI atau membatalkan Pri-TInya pada bila-bila masa dengan syarat Setlor memilih untuk membuat dokumen yang boleh dibatalkan.

**10. Sekiranya Setlor meninggal dunia, apakah yang akan terjadi kepada baki dana amanah?**

Baki (sekiranya ada) akan dibahagikan mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah berkenaan.

**11. Di mana boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?**

Sekiranya pihak anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Pri-TI, sila hubungi:

Bank Muamalat Malaysia Berhad